© Association of Researcher of Skills and Vocational Training, Malaysia

ASIAN PENDIDIKAN
ISSN: 2735-2331, e-ISSN: 2805-4350
DOI: https://doi.org/10.53797/aspen.v4i1.4.2024

Penguasaan Tahap Kemahiran Menyoal Dalam Pengajaran dan Pembelajaran Guru Pelatih Bahasa Melayu

(Mastery Level of Questioning Skills in Teaching and Learning Malay Language Teachers)

Poli, Nursyazzwa Aryannie[1], Abdul Jobar, Norfaizah[1*], Mohd Rosli, Nurfarahkhanna[1] & Janan, Dahlia[1]

[1]Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris Tanjung Malim, 35900 Perak, MALAYSIA

*Corresponding author: norfaizah.aj@fbk.upsi.edu.my

Received 28 May 2024; Accepted 27 June 2024; Available online 27 June 2024

Abstract: The purpose of this study was to determine the level of mastery of questioning skills among trainee teachers. This study was to determine the questioning tactics employed in the process of teaching and learning Malay in schools, based on six cognitive levels. This research was carried out to determine the most relevant questioning qualities for used in the teaching and learning process. For the first and second objectives of this study, a total of 50 students from the Bachelor of Malay Language Education UPSI study programme were chosen as a sample. The sample for the third objective was chosen at random from a total of ten respondents. This study has a hybrid design that incorporates both quantitative and qualitative methodologies. Questionnaires and video analysis of instructional videos were utilised as study tools. The trainee teachers had acquired the technique of questioning skills, according to the first objective finding. The second aim discovered that trainee teachers had mastered questioning tactics depending on cognitive level. The third objective's findings reveal that trainee teachers are aware of the qualities of questioning in teaching and learning. The goal of this research is to raise awareness about the importance of basic microteaching abilities, particularly questioning skills, in producing high-quality education.

Keywords: Questioning skills, trainee teachers, teaching and learning

Abstrak: Kajian ini dilaksanakan untuk mengenal pasti tahap penguasaan kemahiran menyoal dalam kalangan guru pelatih. Seterusnya, kajian ini juga dijalankan bagi mengenal pasti ciri-ciri penyoalan yang sesuai digunakan dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Dalam kajian ini, seramai 50 orang mahasiswa daripada program pengajian Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Bahasa Melayu UPSI dipilih sebagai sampel bagi objektif petama dan objektif kedua. Seramai 10 responden telah dipilih secara rawak untuk dijadikan sampel bagi objektif ketiga. Reka bentuk kajian ini berbentuk gabungan yang merangkumi kaedah kuantitatif dan kualitatif. Instrumen kajian yang digunakan adalah dalam bentuk soal selidik dan analisis video pengajaran. Dapatan objektif pertama mendapati guru pelatih menguasai teknik kemahiran menyoal. Dapatan objektif kedua pula menunjukkan bahawa guru pelatih mengetahui ciri-ciri penyoalan dalam pengajaran dan pembelajaran. Implikasi kajian ini dijalankan ialah dapat memberi pendedahkan kepada pendidikan tentang kepentingan kemahiran asas pengajaran mikro terutamanya kemahiran menyoal bagi menghasilkan mutu pendidikan yang baik.

Kata kunci: kemahiran menyoal, guru pelatih, pengajaran dan pembelajaran

1. Pengenalan

Kemahiran menyoal merupakan kemahiran yang digunakan oleh guru untuk mengetahui tentang penguasaan pelajar dalam pembelajaran mereka. Seterusnya, kemahiran menyoal merupakan salah satu langkah yang digunakan oleh guru untuk menyalurkan maklumat atau isi pembelajaran kepada murid di dalam kelas (Nappi, 2017). Menurut Hassan (2019), terdapat tiga prinsip yang boleh digunakan oleh guru bagi melaksanakan kemahiran menyoal dengan berkesan. Prinsip itu merangkumi beberapa aspek iaitu prinsip pembentukan soalan, prinsip teknik mengemukakan soalan dan prinsip penerimaan jawapan. Jenis-jenis soalan yang berkaitan dengan pembelajaran serta penentuan tehadap soalan yang ingin dikemukaan oleh guru secara lisan sebelum kelas dimulakan merupakan pembentukan soalan (Cumhur, 2019). Antara

*Corresponding author: norfaizah.aj@fbk.upsi.edu.my
https://www.arsvot.org/ All right reserved.

teknik yang boleh diambil untuk mengemukakan soalan di dalam kelas ialah guru hendaklah mengemukakan soalan terlebih dahulu sebelum murid. Seterusnya, guru hendaklah menggalakkan semua murid terlibat dalam memikirkan jawapan (Yusoff & Seman, 2018). Seterusnya, guru hendaklah berhenti untuk memberi masa kepada murid menjawab soalan dan kemudian menyebut nama beberapa orang murid untuk menjawab soalan tersebut. Pujian haruslah diberikan kepada murid yang berjaya memberi jawapan yang betul. Hal ini demikian bagi menggalakan lagi murid agar berusaha mencuba untuk menjawab soalan dengan lebih baik. Tambahan lagi, jika berlaku kejadian murid tidak menjawab soalan dengan tepat, peluang harus diberikan kepada murid lain untuk memberikan jawapan yang betul. Akhir sekali barulah guru memberi jawapan terhadap soalan yang telah diberikan (Chew et al., 2018).

Menurut Sugihartini et al. (2020), guru menggunakan kemahiran menyoal dalam sesi pengajaran dan pembelajaran bertujuan mendapatkan tindak balas. Tindak balas yang diberikan oleh murid dalam kelas akan menunjukkan murid tersebut memahami ataupun tidak apa yang telah diajar oleh guru. Seterusnya, penyoalan dalam sesi pengajaran dan pembelajaran juga dapat meningkatkan prestasi murid secara langsung. Justeru itu, teknik menyoal merupakan perkara yang penting dalam proses pengajaran. Penyoalan yang digunakan oleh guru di dalam kelas juga bertujuan mendapatkan jawapan serta maklumat daripada murid. Guru menggunakan teknik menyoal secara khususnya untuk mengetahui sama ada murid memahami ataupun tidak pelajaran yang telah diajar. Selain itu, dalam kemahiran menyoal ada menyentuh beberapa nilai sosial kemasyarakatan (Cumhur & Guven, 2022). Sebagai contoh, guru menyoal melalui interaksi hati ke hati dapat membantu murid mengukuhkan hubungan serta merapatkan kumpulan. Secara umumnya, kebanyakan aktiviti menyoal hanya dilaksanakan pada pertengahan fasa pengajaran dan melalui aktiviti ini guru dapat melihat keterlibatan murid secara aktif semasa aktiviti dilaksanakan (Sandy et al., 2021). Namun begitu, kekerapan mengajukan soalan yang tinggi dalam sesi pengajaran dan pembelajaran dapat menjadi alat untuk menghasilkan pengajaran yang baik dalam setiap fasa yang dirancang.

Salmon & Barrera (2021) juga menyatakan bahawa terdapat beberapa kepentingan kemahiran menyoal dalam sesi pengajaran dan pembelajaran antaranya kemahiran menyoal digunakan untuk menggerak minda pelajar dan guru-guru. Hal ini demikian kerana dengan menggunakan teknik penyoalan yang kreatif dan kritis terutamanya dalam mengajar tajuk baru dapat meransang dan mencungkil idea pelajar semasa sesi soal jawab. Pada masa yang sama juga, guru dapat meningkatkan minat dan rasa ingin tahu pelajar terhadap topik tersebut terutamanya sesi soal jawab yang dijalankan. Kepentingan seterusnya ialah ia dapat menilai pemahaman pelajar dan guru. Hal ini demikian kerana kemahiran menyoal dapat menjadi kayu ukur terhadap tahap kefahaman pelajar ketika sesi pengajaran dan pembelajaran dilaksanakan. Sesi soal jawab merupakan satu latihan sebelum mengahadapi ujian dan peperiksaan. Kemahiran menyoal juga penting untuk membimbing pelajar kerana ia menunjukkan kelemahan dalam memberikan jawapan (Tran et al., 2024). Dalam hal ini guru seharusnya bersikap adil dengan tidak terus menyalahkan jawapan pelajar. Sebaliknya, guru hendaklah menggunakan teknik soalan yang memberikan petunjuk kearah jawapan yang betul dan tepat sehingga murid tersebut menyedari kesilapan mereka dan cuba membetulkan kesalahan mereka.

Pendidikan merupakan salah satu perkara penting dalam hidup. Hal ini demikian kerana pendidikan akan mempengaruhi kualiti dan ketamadunan sesebuah masyarakat di dunia. Pendidikan dalam sesebuah masyarakat itu memerlukan sebuah sistem nilai yang dapat digunakan untuk mengembangkan pemikiran masyarakat. Hal ini agar masyarakat tersebut memiliki nilai yang tinggi dalam hidup. Menurut Lembaga Penyelididkan Undang-undang, Akta Pendidikan 1996 (Akta 550), pendidikan di Malaysia merupakan satu usaha yang berterusan untuk meningkatkan potensi seseorang individu secara menyeluruh dan bersepadu. Hal ini demikian bertujuan untuk melahirkan insan yang seimbang dan harmoni dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani, berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan (Zulkifli & Hashim, 2019). Usaha ini bertujuan untuk melahirkan warganegara Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberikan sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara.Kurikulum Bahasa Melayu Sekolah Menengah telah digubal semula sejajar dengan transformasi kurikulum sekolah rendah yang bermula pada tahun 2011. Kurikulum Bahasa Melayu sekolah menengah memainkan peranannya sebagai abahasa kebangsaan, bahasa rasmi, bahasa perpaduan, bahasa ilmu dan bahasa penghantar di sekolah. Selain itu, bahasa Melayu juga berperanan untuk menjadi pemangkin dalam memahami akal budi, pemikiran dan sosiobudaya penuturnya ke arah melahirkan semangat cinta akan bahasa dan tanah air. Dalam pendidikan bahasa Melayu ini juga, pelbagai pendekatan telah digunakan bagi mengembangkan lagi potensi pelajar dalam penguasaan bahasa Melayu (Baharudin & Sadik, 2016).

Sebagai bahasa yang moden, bahasa Melayu telah mencapai kedudukan yang paling tinggi. Bahasa Melayu telah menjadi bahasa ilmiah, bahasa kebudayaan dan bahasa kesusasteraan yang bermutu tinggi. Bahasa Melayu telah mencapai kedudukan tertinggi apabila dapat memenuhi semua syarat seperti bahasa rasmi atau bahasa nasional (kebangsaan), bahasa pegantar pendidikan bermula dari tadika hingga ke universiti, bahasa perdagangan, bahasa agama, bahasa kebudayaan dan bahasa kesusasteraan, bahasa militer, lingua franca, bahasa Parlimen dan bahasa mahkamah. Bahasa Melayu di sekolah dianggap satu subjek yang senang. Hal ini demikian kerana Bahasa Melayu merupakan bahasa pertuturan seharian. Pelajar dan guru di sekolah harus meletakkan bahasa Melayu di tempat yang sewajarnya dalam semua perkara di sekolah (Mustapha, 2020). Oleh tiu, pihak sekolah perlu membiasakan diri untuk menggunakan bahasa Melayu dengan betul terutamanya dalam pengajaran dan pembelajaran. Tambahan lagi, bagi memantapkan lagi bahasa Melayu guru haruslah memainkan peranan sebagai pemangkin untuk memartabatkan bahasa Melayu. Hal ini demikian kerana guru harus peka terhadap penggunaan bahasa Melayu standard. Guru harus selalu memastikan penggunaan bahasa

dialek, bahasa campuran dan bahasa basahan dikurangkan. Oleh itu, guru hendaklah memainkan peranan penting bagi memupuk minat mutid agar menggunakan bahasa Melayu dengan baik.

Dalam sesi pengajaran dan pembelajaran, pelajar kurang melibatkan diri di dalam kelas. Menurut Mahamod & Lim (2011), guru masih banyak menggunakan kaedah pengajaran secara tradisional, iaitu bersyarah ketika menyampaikan ilmu. Hal ini demikian menyebabkan pelajar kurang tertarik untuk menyertai kelas yang dijalankan. Mereka juga menyatakan bahawa teknik penyoalan yang digunakan oleh guru hanya berkisarkan kepada aras kognitif rendah dan sederhana sahaja. Jelaslah menunjukkan bahawa guru tidak dapat menguasai atau mengabaikan penyoalan di dalam kelas kerana soalan yang dikemukakan sangat sedikit, aras rendah dan tidak merangsangkan daya pemikiran pelajar. Pola soalan yang kerap diajukan oleh guru kepada pelajar juga merupakan soalan-soalan beraras rendah iaitu peringkat pengetahuan (Mahamod & Lim, 2011).

Menurut Mokhtar & Jamil (2020) lagi, pengaplikasikan kemahiran berfikir dalam kaedah penyoalan kurang digunakan oleh guru. Teknik penyoalan guru yang tidak mengandungi unsur kemahiran dalam berfikir akan menyebabkan pemikiran murid kurang berkembang dan mudah bosan. Hal ini demikian kerana pelajar tidak berasa tertarik atau tercabar dengan soalan yang diajukan. Menurutnya lagi, terdapat juga guru yang mengabaikan penggunaan kemahiran menyoal ketika mengajar di dalam kelas. Menurut Waheedawati (2003), guru kurang mengambil berat tentang kepentingan masa semasa mengemukakan soalan kepada pelajar. Guru memberikan waktu yang terlalu singkat untuk pelajar mencari dan mendapatkan jawapan bagi soalan yang diajukanoleh guru. Guru seharusnya memberi tempoh waktu yang secukupnya jika ingin mendapatkan jawapan yang tepat dan berkualiti daripada pelajar. Oleh itu, kemahiran menyoal yang digunakan oleh guru di dalam kelas hendaklah dirancang dengan baik dan sesuai agar dapat menepati ciri-ciri soalan yang digunakan dalam sesi pengajaran dan pembelajaran. Menurut Rahman (2010), guru boleh menggunakan soalan untuk meransang pemikiran pelajar atau menimbulkan perasaan ingin tahu dan minat pelajar dalam sesi pengajaran dan pembelajaran. Kemahiran menyoal yang digunakan oleh guru dalam sesi pengajaran dan pembelajaran dapat membawa kepada proses mendapatkan jawapan yang betul, meransang idea dan dapat mengukuhkan pemahaman pelajar dalam sesuatu tajuk.

Objektif kajian telah dikemukakan bagi memastikan tujuan kajian dapat dicapai. Berikut merupakan objektif kajian yang ingin dicapai: 1) Mengenal pasti teknik penyoalan guru pelatih Bahasa Melayu semasa proses pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas; dan 2) Menganalisis kekerapan ciri-ciri penyoalan berdasarkan kemahiran menyoal guru pelatih Bahasa Melayu.

2. Kajian Literatur

2.1 Kemahiran Menyoal Dalam Pembelajaran Bahasa Melayu

Menurut Ibrahim & Abdullah (2021), bagi memastikan murid memahami atau menguasai malumat yang disampaikan, guru dikehendaki menggunakan kemahiran menyoal dalam sesi pengajaran dan pembelajaran. Interaksi kelas berbentuk komunikasi sehala akan berlaku sekiranya guru tidak menggunakan kemahiran menyoal sewaktu proses pengajaran dan pembelajaran. Hal ini demikian, sekiranya guru berjaya hanya menghabiskan sukatan pengajaran yang dirancang, tetapi tidak dapat mengetahui penguasaan murid berkenaan dengan pengetahuan yang telah disalurkan oleh guru sewaktu proses pengajaran di dalam kelas. Menurutnya lagi, proses pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas tanpa menggunakan kemahiran menyoal akan menyebabkan proses pembelajaran hanya berfokuskan pada guru sepenuhnya bukan melibatkan pelajar. Proses pengajaran yang baik hendaklah melibatkan kedua-dua pihak iaitu guru dan murid itu sendiri. Hal ini demikian dalam proses pembelajaran, interaksi dua hala antara guru dengan murid hendaklah diwujudkan.

Menurut Mahamod & Lim (2011), penggunaan soalan merupakan kaedah yang digunakan oleh guru untuk menyampaikan isi pelajaran kepada murid di dalam kelas. Keupayaan kognitif optimum dapat dicapai sekiranya soalan-soalan yang dikemukakan kepada murid mempunyai potensi untuk membantu murid. Melalui soalan-soalan yang dikemukakan oleh guru dalam proses pembelajaran dan pengjaran (P&P) dapat mendedahkan pelajar menggunakan pengetahuan sedia ada dan membandingkan maklumat yang diperoleh dan kemudian menggunakannya untuk penyelesaian masalah. Dalam proses pengajaran dan pebembelajaran, murid-murid sepatutnya bertindak secara aktif. Menurut Layang & Mahamod (2019), salah satu kaedah guru menyalurkan isi pembelajaran yang popular dan kaedah yang paling mudah untuk dilaksanakan ialah dengan menggunakan kemahiran menyoal di dalam kelas. Kemahiran menyoal merupakan sebahagian daripada kemahiran komunikasi lisan. Tambahan lagi, keupayaan dan kebolehan seseorang itu dapat diukur sekira mempunyai kemahiran yang baik dalam komunikasi. Halini demikian dalam pengajaran dan pembelajaran, penyoalan dapat menggalakkan dan meningkatkan interaksi antara guru dan pelajar dengan lebih berkesan. Selain itu, pengetahuan murid juga dapat dicungkil dan mengukuhkan pelajaran yang telah disampaikan sekiranya soalan-soalan kerap dikemukakan di dalam kelas. Soalan-soalan yang dikemukakan hendaklah soalan dapat menguji atau menilai apa yang telah disampaikan oleh guru semasa proses pengajaran dan pembelajaran. Kesimpulannya, seorang guru yang mahir ialah seorang penyoal yang berkesan (Lambri & Mahamod, 2015). Hal ini demikian kerana guru tersebut dapat menggunakan soalan-soalan yang dapat menjana idea dan pemikiran murid yang jelas, mengembangkan potensi berfikir, sekaligus dapat menggerakkan daya imaginasi murid.

2.2 Aras Penyoalan Berdasarkan Taksonomi Bloom

Menurut Amer (2006) dan Sharpe et al. (2010), pada tahun 1956 sebuah model iaitu Taksonomi Bloom telah diasakan kerana pengelasan dalam sistem pendidikan ketika itu sangat diperlukan. Hal ini demikian bertujuan untuk membantu guru menyelesaikan masalah berkaitan dengan kurikulun dan penilaian. Namun begitu, penstrukturan semula dalam pedagogi selaras dengan gaya pembelajaran abad ke-21 diadakan kerana jarak masa yang terlalu jauh.

Menurut Long & Mustapha (2019), Taksonomi Bloom merupakan set tiga model hierarki yang digunakan untuk mengklasifikasikan objektif pembelajaran mengikut aras kerumitan dan kekhususan. Sempena nama Benjamin Bloom yang merupakan pengerusi sebuah jawatankuasa pendidik, model ini diberi nama Taksonomi Bloom. Dalam Taksonomi Bloom ini, kemahiran dan objektif yang ingin dicapai telah dikategorikan kepada tiga domain iaitu afektif, psikomotor dan kognitif. Kognitif digunakan untuk menjadi kayu ukur terhadap kemahiran intelektual. Afektif pula digunakan untuk mengukur kemahiran generik iaitu kemahiran yang telah diterapkan kepada pelajar melalui penglibatan perbincangan secara berkumpulan seperti dalam kursus reka bentuk sistem dan sebagainya. Kemahiran praktikal dan teknikal pula akan diukur menggunakan aspek psikomotor. Domain Taksonomi Bloom iaitu kemahiran kognitif yang digunakan untuk mengukur kemahiran intelektual berdasarkan satu hierarki kognitif yang disusun dari aras rendah hingga ke aras tinggi iaitu aras pengetahuan, pemahaman, aplikasi, analisis, sintesis dan penilaian. Pada asalnya, terdapat enam aras dalam domain kognitif Taksonomi Bloom (Ssamsudain & Omar, 2023). Namun begitu, terdapat beberapa perubahan telah dilakukan secara berperingkat sekitar tahun 1990-an. Antara perubahan yang telah dilaksanakan ialah perubahan terminologi iaitu berkenaan dengan tema pengetahuan, pemahaman, aplikasi, analisis, sintesis dan penilaian ditukarkan kepada mengingat, memahami, mengaplikasi, menganalisis, menilai dan membina.

3. Metodologi

Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan kedua-dua data kuantitatif dan kualitatif yang dikenali sebagai kajian inferensi. Menurut Hua (2013), kajian inferensi daripada keseluruhan populasi dan hanya satu sampel tertentu sahaja dipilih dan dikumpul untuk dijadikan sebagai data numerika dan digunakan dalam ujian statistik. Data kuantitatif dan kualitatif ini menggunakan kaedah soal selidik dan analisis video. Data-data yang diperolehi daripada responden terpilih ini akan dianalisis dan dipersembahkan dalam statistik bagi mengkaji kekerapan dan populasi yang dikaji. Proses pengumpulan data dalam penyelidikan sesebuah kajian akan melibatkan kaedah kuantitatif dan kualitatif. Secara umumnya, data ialah pengiraan ke atas ciri-ciri, kejadian, fakta atau ukuran ke atas sesuatu peristiwa yang boleh dikira (Somekh & Lewin, 2005).

Sampel bagi kajian ini terdiri daripada mahasiswa Bahasa Melayu Universiti Pendidikan Sultan Idris yang dihubungi melalui laman jaringan sosial. Sampel telah dipilih dengan bilangan 50 orang melibatkan responden lelaki dan wanita. Fokus responden bagi kajian ini ialah guru pelatih bahasa melayu sekolah menengah yang mempunyai pengalaman mengajar di dalam kelas. Bahasa Melayu merupakan satu subjek wajib dalam sistem pendidikan di Malaysia. Kajian ini memfokuskan kepada kemahiran menyoal yang digunakan dalam sesi pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas. Maka, komponen dan prinsip dalam kemahiran menerang akan dianalisis melalui soal selidik serta pemerhatian yang dilakukan dalam video pengajaran. Bahagian ini akan membincangkan berkenaan dengan sebab kaedah soal selidik dan pemerhatian dipilih untuk menjalankan kajian ini.

Reka bentuk kedua-dua kaedah ini akan dihuraikan. Instrumen kajian merupakan alat pengukuran bagi sesuatu kajian akademik atau kajian tindakan yang digunakan untuk mendapatkan data yang berkaitan dengan objektif kajian ini. Dalam kajian ini, terdapat dua instrumen yang akan digunakan iaitu soal selidik dan pemerhatian video. Soal selidik akan dijalankan melalui dalam talian iaitu menggunakan laman sesawang *Google Form*. Video pemerhatian pula akan diambil daripada sepuluh orang guru daripada sampel soal selidik yang dipilih secara rawak. Oleh itu, sampel bagi pemerhatian video mestilah sepuluh orang daripada guru pelatih bagi sampel soal selidik.

4. Dapatan dan Perbincangan

Penyelidik akan menghuraikan dan membincangkan beberapa perkara yang berkaitan dengan latar belakang responden pada bahagian ini. Penganalisisan data pada bahagian ini adalah bertujuan untuk mendapatkan gambaran umum mengenai latar belakang responden. Jumlah keseluruhan responden ialah sebanyak 50 orang guru pelatih. Perbincangan pada bahagian ini akan dijelaskan mengikut kategori item yang telah ditetapkan sebagaimana yang dipaparkan dalam jadual-jadual di bawah. Pada bahagian B, dan C pula mengandungi soalan-soalan yang berkaitan tahap penguasaan guru terhadap Teknik Penyoalan dalam sesi pengajaran dan pembelajaran. Secara keseluruhannya, sebanyak 13 item soalan telah dibina dan ia dibina berasaskan kepada tiga persoalan kajian yang telah dihuraikan sebelum ini. Bahagian B mempunyai 10 soalan, dan bahagian C pula, mempunyai 3 soalan subjektif. Bahagian D pula mengandungi 10 soalan yang akan digunakan untuk menilai video pengajaran. Kesemua item soalan yang dibentuk juga menggunakan format Skala Likert bagi memudahkan proses penyelidikan yang dijalankan.

4.1 Tahap Penguasaan Guru Terhadap Teknik Penyoalan

Proses penganalisisan data pada bahagian ini dilaksanakan untuk mendapatkan hasil kajian secara lebih terperinci berdasarkan setiap satu item soalan yang dikemukakan. Penganalisisan data ini akan dibuat dengan merujuk kepada skor

kekerapan dan peratusan. Bagi memudahkan proses analisis dijalankan, item-item soalan yang dibangunkan telah dibahagikan kepada empat bahagian berdasarkan kepada tiga objektif kajian. Bagi objektif yang pertama ini, penyelidik telah menyediakan 10 item soalan yang berkaitan untuk mendapatkan maklum balas daripada responden. Jadual 1 menunjukkan keputusan analisis daripada item-item soalan beserta huraiannya.

Jadual 1. Data dapatan teknik penyoalan guru pelatih bahasa melayu semasa proses pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas

		Kekerapan dan peratusan									
Teknik penyoalan guru pelatih Bahasa Melayu semasa proses pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas		STS		TS		TP		S		SS	
		f	%	f	%	f	%	f	%	f	%
B1	Guru fokus pada satu idea yang diterangkan	1	2	7	14	3	6	25	50	14	28
B2	Guru menyampaikan idea yang jelas, ringkas dan mudah difahami	-	-	-	-	1	2	15	30	34	68
B3	Guru menarik perhatian pelajar untuk memberi tumpuan terhadap topik pembelajaran	-	-	-	-	-	-	17	34	33	66
B4	Guru ajukan soalan kepada seluruh kelas	-	-	1	2	1	2	20	40	28	56
B5	Guru memberikan masa untuk pelajar berfikir sebelum menjawab soalan	-	-	-	-	-	-	15	30	35	70
B6	Guru memilih pelajar untuk menjawab soalan	-	-	6	12	2	4	22	44	20	40
B7	Guru memberi peluang kepada pelajar untuk memberi jawapan	-	-	-	-	-	-	13	26	37	74
B8	Guru membangkitkan rasa ingin tahu pelajar	-	-	-	-	2	4	11	22	37	74
B9	Soalan yang diberikan oleh guru sangat mencabar	1	2	16	32	8	16	18	36	7	14
B10	Guru melibatkan semua pelajar di dalam kelas	-	-	1	2	1	2	17	34	31	62

Secara keseluruhannya hasil kajian mendapati 50 orang guru pelatih Bahasa Melayu yang merupakan responden kajian telah memahami atau pun mengenal pasti definisi teknik penyoalan dalam pengajaran dan pembelajaran. Hasil kajian menunjukkan guru pelatih menguasai teknik penyoalan dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Hal ini dibuktikan apabila teknik penyoalan guru memberi peluang kepada pelajar untuk memberi jawapan dan guru membangkitkan rasa ingin tahu pelajar mendapat kekerapan sangat setuju yang paling tinggi dalam objektif pertama. Oleh hal yang demikian, guru pelatih mengetahui fungsi teknik penyoalan digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran. Teknik penyoalan yang mencatatkan kekerapan paling rendah pula ialah item D9 iaitu soalan yang diberikan oleh guru sangat mencabar. Bagi teknik penyoalan ini, guru kurang bersetuju kerana bagi seorang guru, melontarkan soalan merupakan langkah untuk mencungkil idea pelajar maka guru beranggapan bahawa semua soalan yang diajukan kepada murid mudah dan jelas.

4.2 Tahap Penguasaan Terhadap Ciri-Ciri Penyoalan Berdasarkan Video Pengajaran

Bagi objektif seterusnya iaitu berkenaan dengan ciri-ciri penyoalan berdasarkan kemahiran penyoalan guru pelatih Bahasa Melayu. Bahagian ini pengkaji telah membina sebuah jadual yang menunjukkan hasil kajian terhadap ciri-ciri penyoalan guru pelatih sebagaimana ditunjukkan pada Jadual 2.

Jadual 2. Tahap penguasaan ciri-ciri penyoalan

Tahap	Ciri-ciri Penyoalan
Tinggi	- Sebaran soalan ke seluruh kelas - Mencungkil idea murid - Melayan jawapan murid dengan baik
Sederhana	- Soalan yang digunakan jelas, ringkas dan tepat - Memberi petunjuk
Rendah	- Fokus kepada satu idea atau lebih daripada satu idea - Soalan yang menggunakan idea jawapan murid - Menggalakkan murid menyoal

Berdasarkan Jadual 3, pengkaji telah menganalisis 10 buah video mengajar responden yang dipilih secara rawak. Hasil kajian menunjukkan bahawa item D3 dan item D6 iaitu sebaran soalan ke seluruh kelas dan mencungkil idea pelajar telah merekodkan kekerapan paling tinggi iaitu 9 orang bersamaan dengan 90% daripada jumlah keseluruhan. Pada tahap sederhana pula ciri-ciri penyoalan yang terlibat ialah soalan yang digunakan jelas, ringkas dan tepat serta soalan digunakan untuk memberi petunjuk. Pada tahap rendah pula soalan digunakan untuk memfokuskan kepada satu idea atau lebih daripada satu idea, soalan dicipta daripada jawapan murid serta soalan untuk menggalakkan murid menyoal kembalai. Berdasarkan kajian ini, guru pelatih mengetahui fungsi penyoalan dalam pengajaran. Hal ini demikian kerana hasil kajian menunjukkan guru menggunakan penyoalan untuk mencungkil idea pelajar dan soalan disebarkan kepada seluruh kelas bukan kepada pelajar terpilih sahaja.

Jadual 3. Kekerapan ciri-ciri penyoalan berdasarkan kemahiran menyoal guru pelatih Bahasa Melayu

	Kekerapan ciri-ciri penyoalan berdasarkan kemahiran menyoal guru pelatih Bahasa Melayu	Bilangan	Peratusan (%)
D1	Soalan yang digunakan jelas, ringkas dan tepat	7	70
D2	Fokus kepada satu idea atau lebih daripada satu idea	5	50
D3	Sebaran soalan ke seluruh kelas	9	90
D4	Melayan jawapan pelajar dengan baik	8	80
D5	Memberi petunjuk	6	60
D6	Mencungkil idea pelajar	9	90
D7	Soalan yang menggunakan idea/jawapan pelajar	5	50
D8	Menggalakkan pelajar menyoal	4	40

Namun begitu, hasil kajian masih menunjukkan bahawa guru pelatih tidak menggunakan penyoalan dengan baik. Hal ini demikian, hasil kajian menunjukkan bahawa item D8 iaitu menggalakkan pelajar menyoal mendapat kekerapan paling rendah iaitu 4 orang bersamaan dengan 40% serta berada pada kategori rendah. Jelaslah, kemahiran penyoalan guru pelatih masih tidak memuaskan kerana tidak menggunakan soalan dengan baik agar murid menyoal semula kepada guru. Justeru itu, beberapa langkah haruslah diambil bagi memastikan penyoalan dalam sesi pengajaran dan pembelajaran dapat dijalankan dengan baik. Antaranya, guru hendaklah memastikan soalan-soalan yang diajukan kepada murid sesuai dengan topik dan kefahaman mereka. Soalan-soalan yang diajukan hendaklah selaras dengan peringkat umur murid agar mudah difahami oleh murid. Selain itu, guru juga hendaklah memastikan semua pelajar berpeluang untuk menjawab soalan atau bertanya soalan. Akhir sekali, guru juga boleh bertanya pendapat murid tentang soalan-soalan yang diajukan di hujung sesi pengajaran dan pembelajaran. Hal ini demikian bagi memberi peluang agar guru dapat memperbaiki teknik penyoalan yang telah digunakan sepanjang sesi pengajaran dan pembelajaran.

Kajian yang dijalankan ini memberi impak yang positif kepada semua bakal guru terutamanya mahasiswa pendidikan Bahasa Melayu Universiti Pendidikan Sultan Idris. Kajian ini juga sekaligus dapat menggambarkan bahawa guru pelatih Bahasa Melayu UPSI ini menguasai pengetahuan tentang pembelajaran dan pengajaran. Hal ini demikian kerana guru pelatih Bahasa Melayu yang merupakan responden untuk kajian ini menunjukkan kebijaksanaan mereka dalam memahami teknik penyoalan yang digunakan dalam sesi pengajaran dan pembelajaran. Perkara ini turut menggambarkan bahawa mereka sebagai bakal guru dapat memahami fungsi sebenar soalan dalam sesi pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas (Rajendran, 2001).

Guru pelatih ini memahami fungsi teknik penyoalan yang baik dalam sesi pengajaran dan pembelajaran. Guru pelatih memahami bahawa soalan diajukan hendaklah berfokus pada satu idea sahaja, guru juga perlu menyampaikan idea soalan yang jelas, ringkas dan mudah difahami. Berdasarkan dapatan kajian ini juga, guru dapat mengetahui kebaikan apabila soalan yang diajukan disoal kepada semua murid dan bukan memilih pejar tertentu sahaja. Hal ini demikian agar semua murid yang berada dalam kelas tersebut merasakan diri mereka terlibat terutamanya dalam perbincangan dalam kelas. Tambahan lagi, dalam kajian ini guru dapat mengetahui kebaikan memberi masa dan peluang kepada murid untuk menjawab soalan yang diajukan. Hal ini demikian kerana apabila murid diberi masa dan peluang untuk menjawab soalan yang diajukan, mereka akan menghasilkan jawapan yang berkualiti dan bernas dibandingkan pelajar diminta menjawab

soalan segera dan secara tidak bersedia. Akhir sekali, berdasarkan kajian ini guru dapat mengetahui bahawa soalan-soalan yang ingin diajukan kepada murid hendaklah ditapis tahap kesukarannya. Hal ini agar soalan-soalan yang diajukan dapat terjangkau oleh pemikiran murid di dalam kelas.

Berdasarkan kajian ini juga, penguasaan guru pelatih terhadap kemahiran menyoal juga dapat dilihat dengan jelas. Hal ini kerana guru-guru dapat menggunakan tahap-tahap kognitif pada fasa-fasa yang sesuai. Sebagai contoh, pada fasa induksi guru pelatih akan menekankan tahap pengetahuan dan tahap kefahaman. Pada fasa perkembangan pula guru pelatih akan menekankan tahap aplikasi dan tahap analisis (Salleh & Shaari, 2019). Manakala, pada fasa penutup pula, guru pelatih akan menekankan tahap sintesis dan penilaian. Jelaslah dalam kajian ini guru pelatih menguasai kemahiran dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Walaupun dalam keadaan pandemik di mana sesi pengajaran dan pembelajaran dijalankan secara dalam talian, guru pelatih tetap dapat mengajar menggunakan kreativiti masing-masing. Sebagai contoh, guru menggunakan tayangan video kreatif pada set induksi (Arshad, 2003). Ada juga segelintir guru pelatih menjalankan aktiviti-aktiviti berkumpulan dengan menggunakan beberapa aplikasi seperti *Prezi, Google Class* dan sebagainya. Jelaslah, guru pelatih mahir menyelesaikan sesuatu perkara dalam kemahiran sesi pengajaran dan pembelajaran.

5. Kesimpulan

Secara keseluruhannya, kajian ini telah menunjukkan bahawa guru pelatih Bahasa Melayu UPSI komited dalam menjalankan tugas sebagai seorang guru yang mahir dalam kemahiran asas pengajaran terutamanya dalam kemahiran menyoal. Hal ini demikian kerana kursus-kursus dan latihan-latihan yang dijalankan semasa menjadi guru pelatih terutamanya dalam Program Perantis Guru dan Latihan Mengajar telah berjaya meningkatkan dan mengembangkan lagi kemahiran dan bakat mereka dalam bidang pendidikan. Melalui program yang diikuti tersebut, guru pelatih dapat menimba pengetahuan dan pengalaman daripada pensyarah, guru penyelia, guru-guru sekolah serta rakan-rakan yang berada di sekolah atau di luar sekolah. Tambahan lagi, guru pelatih menunjukkan kelebihan mereka sebagai guru pelatih apabila berjaya memahami dan mengaplikasikan kemahiran-kemahiran dalam kemahiran asas pengajaran mikro. Di samping itu, guru-guru pelatih yang menjadi responden dalam kajian ini juga menguasai kemahiran menyoal dengan baik. Guru pelatih menggunakan teknik penyoalan dengan betul serta memahami fungsi kemiran menyoal dalam pengajaran. Guru pelatih juga dapat menguasai kemahiran menyoal dengan menggunakan teknik tersebut mengikut tahap yang betul pada fasa-fasa tertentu. Hal ini menjadi bukti bahawa guru pelatih Bahasa Melayu menguasai kemahiran dalam pengajaran mikro. Akhir sekali, pengkaji berbangga dan bersyukur kerana berpeluang menjalankan kajian yang boleh menjadi bukti bahawa guru pelatih Bahasa Melayu Universiti Pendidikan Sultan Idris komited dalam menyediakan diri menjadi seorang guru sekaligus dapat meningkatkan mutu pendidikan Bahasa Melayu di Malaysia.

Pengakuan

Penulis ingin mengucapkan terima kasih kepada rakan penulis dan organisasi yang harta inteleknya digunakan untuk kajian ini.

Konflik Kepentingan

Penulis mengisytiharkan tiada konflik kepentingan.

Rujukan

Amer, A. (2006). Reflections on Bloom's revised taxonomy. *Electronic Journal of Research in Educational Psychology*, *4*(1), 213-230.

Arshad, M. (2003). Penggunaan Kamera Video Bagi Meningkatkan Kemahiran Berkomunikasi Dalam Pengajaran Bahasa Melayu. *Jurnal Pendidikan*, *23*, 113-122.

Baharudin, M., & Sadik, A. M. (2016). A View into Successful Teaching Techniques: Teaching Malay Language as a Foreign Language in Malaysia. *Dinamika Ilmu*, *16*(2), 201-209.

Chew, F. P., Hamad, Z. H., & Hutagalung, F. (2018). Higher-order thinking skills in teaching the Malay language through questions and questioning among the teachers. In *Issues and Trends in Interdisciplinary Behavior and Social Science* (pp. 25-32). CRC Press.

Cumhur, F., & Guven, B. (2022). The effect of lesson study on questioning skills: improving students' answers. *International journal of mathematical education in science and technology*, *53*(4), 969-995. https://doi.org/10.1080/0020739X.2021.2022227

Cumhur, F. (2019). The Role of Questioning in Teaching: How to Develop Questioning Skills?. *Erzincan Üniversitesi Eğitim Fakültesi Dergisi*, *25*(3), 32-55. https://doi.org/10.17556/erziefd.457560

Hassan, S. M. (2019). Meningkatkan Kemahiran Menyoal Dalam Pengajaran. *Asian Education Action Research Journal (AEARJ),* 8, 1-8.

Hua, A. K. (2013). Pengenalan Rangkakerja Metodologi Dalam Kajian Penyelidikan. *J. Chem. Inf. Model*, *53*(9), 1689-1699.

Ibrahim, F., & Abdullah, N. L. (2021). Teknik Penyoalan Lisan Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Bahasa Melayu. *Jurnal Penyelidikan Dedikasi*, *18*(1), 68-78.

Lambri, A., & Mahamod, Z. (2015). Pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu berpusatkan pelajar di institusi pengajian tinggi: Pelaksanaan dan Penerimaan Pelajar. *Jurnal Personalia Pelajar*, *18*(1), 1-9.

Layang, F. A., & Mahamod, Z. (2019). Tahap pengetahuan, kesediaan dan sikap guru Bahasa Melayu sekolah rendah dalam melaksanakan pengajaran dan pembelajaran Peta Pemikiran i-Think. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, *44*(1), 37-44. http://dx.doi.org/10.17576/JPEN-2019-44.01-05

Long, N. L., & Mustapha, R. (2019). Analisis Taksonomi Bloom dalam penilaian vokasional: pembangunan suatu Taksonomi baharu menggunakan Teknik Delphi. *J. Qual. Meas. Anal*, *15*, 65-75.

Mahamod, Z., & Lim, N. R. (2021). Kepelbagaian kaedah penyoalan lisan dalam pengajaran guru Bahasa Melayu: Kaedah pemerhatian. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, *1*(1), 51-65.

Mustapha, G. (2020). *An Investigation of Teachers' Questions and Tasks to Develop Reading Comprehension: The Application of the Cogaff Taxonomy in Developing Critical Thinking Skills in Malaysia*. Partridge Publishing Singapore.

Mokhtar, M. M., & Jamil, M. (2020). Mobile technology usage: The shift of focus to cultivate high level thinking skills (HOTS) in the Malay language education system. *Universal Journal of Educational Research*, *8*(1A), 156-163. https://doi.org/10.13189/ujer.2020.081320

Nappi, J. S. (2017). The importance of questioning in developing critical thinking skills. *Delta Kappa Gamma Bulletin*, *84*(1), 30-41.

Rahman, M. M. (2010). Teaching oral communication skills: A task-based approach. *ESP world*, *9*(1), 1-11.

Rajendran, N. S. (2001). Amalan berdaya fikir pengajaran pembelajaran Bahasa Melayu dalam bilik darjah. *Konvensyen Pendidikan Ke*, *10*, 1-20.

Salleh, S. Z., & Shaari, A. S. (2019). Pelaksanaan kemahiran berfikir, sikap pelajar dan masalah untuk mengaplikasi kemahiran berfikir dalam pengajaran pembelajaran Bahasa Melayu (Implementation of thinking skills, student attitudes and problems in application thinking skills Malay language teaching). *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, *9*(2), 1-10.

Salmon, A. K., & Barrera, M. X. (2021). Intentional questioning to promote thinking and learning. *Thinking Skills and Creativity*, *40*, 100822. https://doi.org/10.1016/j.tsc.2021.100822

Samsudain, M. N., & Omar, M. S. (2023). Tingkah Laku Dan Respon Pengajaran Dalam Talian Oleh Pelajar Terhadap Soalan Aras Tinggi Taksonomi Bloom. *Journal of Human Development and Communication (JoHDeC)*, *12*, 107-119. https://doi.org/10.58915/johdec.v12.2023.639

Sandy, S., Jobar, N. A., Rusli, N. F. M., & Adam, N. F. M. (2021). Tinjauan pengetahuan, faktor dan kesan pelaksanaan Set Induksi dalam kalangan mahasiswa terhadap pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu. *Asian Pendidikan*, *1*(1), 63-72. https://doi.org/10.53797/aspen.v1i1.8.2021

Sharpe, R., Beetham, H., & De Freitas, S. (2010). *Rethinking learning for a digital age: How learners are shaping their own experiences*. Routledge.

Somekh, B., & Lewin, C. (Eds.). (2005). *Research methods in the social sciences*. Sage.

Sugihartini, N., Sindu, G. P., Dewi, K. S., Zakariah, M., & Sudira, P. (2020, January). Improving teaching ability with eight teaching skills. In *3rd International Conference on Innovative Research Across Disciplines (ICIRAD 2019)* (pp. 306-310). Atlantis Press. https://doi.org/10.2991/assehr.k.200115.050

Tran, H. H., Capps, D. K., & Cleary, T. J. (2024). Professional learning for preservice science teachers: shifts in self-regulated learning practices and questioning skills. *Metacognition and Learning*, 1-35. https://doi.org/10.1007/s11409-024-09390-1

Yusoff, W. M. W., & Seman, S. C. (2018). Teachers' knowledge of higher order thinking and questioning skills: A case study at a primary school in Terengganu, Malaysia. *International Journal of Academic Research in Progressive Education and Development*, *7*(2), 45-63. https://doi.org/10.6007/IJARPED/v7-i2/4120

Zulkifli, H., & Hashim, R. (2019). The development of questioning skills through hikmah (wisdom) pedagogy. *Creative Education*, *10*(12), 2593-2605. https://doi.org/10.4236/ce.2019.1012187